

23 NOV 1999
P/Raya-Osman
PUSINGAN LENGKAP 40 TAHUN SEBAGAI WAKIL CALON

Oleh: Jamaluddin Mohamed

JITRA, 23 Nov (Bernama) -- Pada pilihan raya umum 1959, dia menjadi wakil calon bagi seorang menteri persekutuan Datin (sekarang Tan Sri) Fatimah Hashim yang bertanding kerusi Parlimen Jitra/Padang Terap di bawah tiket Perikatan.

Tahun ini, genap 40 tahun kemudian, dia masih menjadi wakil calon tetapi kali ini bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertanding di kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum ke-10.

"Ia adalah pusingan 40 tahun yang lengkap bagi saya sebagai wakil calon," kata Tan Sri Osman Aroff kepada Bernama.

Beliau juga merupakan wakil calon bagi Exco Kedah Allahyarham Haji Omar Salleh (bapa kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia sekarang Datuk Dr Affifuddin) yang bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Jitra pada pilihan raya umum 1959.

Osman, 59, bekas Menteri Besar Kedah dan kini menjadi wakil peribadi Dr Mahathir di Kubang Pasu, berkata beliau boleh menjadi wakil kepada dua calon -- Fatimah dan Omar -- kerana pilihan raya bagi kerusi Parlimen dan DUN diadakan secara berasingan pada 1959.

"Ia adalah ajaib. Saya tidak menjangka ia (pusingan itu) akan berlaku," katanya.

Beliau berkata bekerja sebagai wakil calon sekarang berbeza dengan pada 1959.

"Pada 1959, kita tidak mempunyai bilik gerakan yang sempurna. Jadi saya terpaksa menggunakan kereta sewa sebagai bilik gerakan yang turut membawa poster dan borang E," katanya.

(Borang E adalah borang yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk penceramah dan pekerja pilihan raya dan ditandatangani wakil calon)

"Lihat saya masih menandatangani borang E sekarang seperti pada 1959," katanya ketika menandatangani beberapa borang itu semasa ditemuramah.

Osman berkata ketika itu pemandu terpaksa disediakan kerana beliau tidak tahu memandu.

"Adalah sukar untuk menemui pengundi ketika itu kerana kawasan terpencil dan tiada jalan yang sesuai dan kekurangan kemudahan perhubungan.

"Bayangkan bagaimana hendak menemui pengundi di kawasan yang besar seperti Parlimen Jitra/Padang Terap yang mengandungi sebahagian daerah Jitra dan sebahagian daerah Padang Terap," katanya.

Beliau adalah anggota DUN Jitra sebelum dewan itu dibubarkan pada 11 Nov.

Osman, yang menjadi wakil rakyat selama 30 tahun sejak 1969, berkata kini terdapat bilik gerakan yang sempurna dilengkapi peralatan pejabat dan perhubungan yang serba moden dan bilangan pekerja yang ramai.

"Jadi tugas sebagai wakil calon sekarang lebih mudah.

"Bagaimanapun, adalah lebih mudah untuk berkempen dahulu kerana fikiran pengundi belum diracuni berbanding sekarang," katanya.

-- BERNAMA
JM AKD